



**PANDUAN DAN
PERATURAN-PERATURAN PENTAULIAHAN
PERSIJILAN KEMAHIRAN MALAYSIA
2011**

**PANDUAN PERMOHONAN DAN PENGANJURAN
KURSUS INDUKSI PENTAULIAHAN
PERSIJILAN KEMAHIRAN MALAYSIA
(Pindaan 2017)**

**JABATAN PEMBANGUNAN KEMAHIRAN
KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA,
MALAYSIA**

PANDUAN PERMOHONAN DAN PENGANJURAN **KURSUS INDUKSI PENTAULIAHAN PERSIJILAN MALAYSIA**

1. Objektif

Panduan ini adalah untuk memastikan semua kursus Induksi Pentauliahan Persijilan Kemahiran Malaysia yang dianjurkan oleh penganjur yang dilantik memenuhi objektif dan dasar jabatan.

2. Tafsiran

“Agensi” ertinya satu syarikat, institusi latihan awam/swasta, organisasi atau badan persatuan yang didaftarkan secara sah mengikut undang-undang negara atau peraturan pihak berkuasa.

“Penganjur” ertinya mana-mana agensi yang telah berdaftar dengan Pusat Latihan Pengajar & Kemahiran Lanjutan (CIAST), Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) dan telah diberi kelulusan untuk menjalankan Kursus Induksi Pentauliahan Persijilan Kemahiran Malaysia.

“Sesi Penganjuran” ertinya sesi kursus yang melibatkan satu kumpulan peserta dan seorang penceramah dalam satu masa.

“Kursus Induksi Pentauliahan Persijilan Kemahiran Malaysia” ertinya Kursus Induksi Pegawai Penilai - Pegawai Pengesah Dalam - Pengurus Pusat Bertauliah (PP-PPD-PPB), Kursus Induksi Pegawai Pengesah Luaran (PPL) dan Kursus Induksi Pengiktirafan Pencapaian Terdahulu (PPT).

3. Pendaftaran Penganjur

3.1 Permohonan Pendaftaran

Agensi yang berminat menganjurkan Kursus Induksi Pentauliahan Persijilan Kemahiran Malaysia hendaklah mendaftar sebagai penganjur dengan Pusat Latihan Pengajar & Kemahiran Lanjutan (CIAST), Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) dengan mengemukakan Borang Pendaftaran Penganjur Kursus Induksi (PKK/KIP/PJ-00) bersama-

sama dokumen sokongan yang berkaitan.

- i. Salinan Sijil Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) ; atau
- ii. Salinan pendaftaran persatuan/pertubuhan yang berdaftar dengan Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia ; dan
- iii. Profil agensi ; atau
- iv. Surat iringan rasmi (agensi kerajaan sahaja)

3.2 Tempoh Sah Pendaftaran

Tempoh sah pendaftaran bagi sesebuah Penganjur Kursus Induksi adalah bermula dari tarikh pendaftaran dan berakhir pada 31 Disember dalam tahun semasa.

3.3 Pembaharuan Pendaftaran

Penganjur Kursus Induksi yang akan tamat tempoh digalakkan mengemukakan permohonan pembaharuan pendaftaran kepada JPK selewat-lewatnya sebelum 31 Disember tahun semasa dengan mengisi Borang Pendaftaran Penganjur Kursus Induksi (PKK/KIP/PJ-00) .

3.4 Penamatan Pendaftaran

JPK berhak pada bila-bila masa untuk menamatkan pendaftaran penganjur sekiranya didapati penganjur tidak mematuhi peraturan penganjuran yang telah ditetapkan.

4. Pelaksanaan Penganjuran Kursus

4.1 Tarikh dan tempat kursus

4.1.1 Penganjur dikehendaki mengemukakan surat permohonan penganjuran **satu (1) bulan dari tarikh kursus dijadilkan**. Dalam surat permohonan perlu nyatakan jenis kursus induksi, tarikh kursus dan alamat tempat kursus dengan tepat.

4.1.2 Penganjur hanya dibenarkan menganjurkan kursus pada hari cuti hujung minggu bagi negeri berkenaan.

4.1.3 Tarikh dan tempat kursus yang diluluskan tidak boleh ditukar tanpa mendapat persetujuan dari JPK.

4.2 Bilangan peserta tidak melebihi **40 orang** bagi setiap sesi penganjuran bagi menjamin keberkesanan kursus.

4.3 Kelayakan peserta

4.3.1 Peserta bagi semua kursus Induksi Pentauliahkan Persijilan Kemahiran Malaysia hendaklah :-

- a. **Warganegara Malaysia; atau**
- b. **Pemastautin Tetap (PR); dan**
- c. Berumur 18 tahun ke atas.

4.3.2 Bagi Kursus Induksi Pegawai Pengesah Luaran (PPL) peserta perlu memenuhi syarat tambahan iaitu telah mengikuti Kursus Induksi PP-PPD-PPB dengan jayanya;

4.4 Penganjur hendaklah memastikan peserta yang mengikuti Kursus Induksi Pentauliahkan Persijilan Kemahiran Malaysia adalah peserta yang telah memenuhi syarat kelayakan yang telah ditetapkan.

4.5 Penceramah adalah dikalangan pegawai JPK yang akan dilantik oleh CIAST dan penganjur tidak berhak memilih penceramah dan penganjur perlu berhubung dengan penceramah yang dilantik setelah mendapat surat kelulusan penganjuran dari CIAST.

4.6 JPK berhak membatalkan penyertaan bagi mana-mana peserta yang tidak memenuhi syarat kelayakan tersebut daripada menghadiri kursus serta tidak akan mengeluarkan Sijil Kursus Induksi kepada peserta yang terlibat. JPK tidak bertanggungjawab di atas segala kerugian penganjur dan peserta.

5. **Kemudahan**

Penganjur hendaklah menyediakan kemudahan dan bahan kursus seperti berikut;

- a) Bilik kuliah yang sesuai dan selesa dengan bilangan peserta.
- b) Kemudahan alat pandang dengar.
- c) Nota kursus terkini yang jelas dan mencukupi
- d) Keperluan lain yang berkaitan (NOSS, Bahan Pembelajaran dan Borang-

Borang berkaitan)

e) Bagi kursus induksi PP-PPT Penganjur perlu menyediakan bahan tambahan yang mencukupi seperti berikut:

- i. Contoh Portfolio yang lengkap
- ii. Fail kulit keras,
- iii. Salinan Bukti-bukti ketrampilan, Job Profile Chart (JPC) / Competency Profile Chart (CPC), Training Pathway, Rekod Penilaian Kumulatif (RPK), Slip pendaftaran, Slip bayaran dsbnya.

6. Kadar Bayaran Peserta

Bayaran penyertaan yang dikenakan ke atas peserta tidak boleh melebihi **RM 350.00** seorang.

7. Kadar Bayaran Penganjuran

- 7.1 Kadar bayaran adalah **RM 3,200.00** untuk satu sesi penganjuran.
- 7.2 Penganjur hendaklah membuat bayaran dalam bentuk **Bank Deraf atau Kiriman Wang atau Pesanan Tempatan / Local Order (LO) jabatan** atas nama **Pengarah Pusat Latihan Pengajar & Kemahiran Lanjutan (CIAST)** semasa mengemukakan permohonan untuk menganjurkan kursus.

8. Kehadiran

- 8.1 Penganjur hendaklah memastikan peserta datang tepat pada waktu mengikut jadual yang ditetapkan.
- 8.2 Penganjur hendaklah menyediakan senarai kehadiran peserta mengikut Borang Senarai Kehadiran (PKK/KIP/PJ-03).
- 8.3 Peserta perlu **menghadiri semua slot kursus induksi** dan **lulus** ujian penilaian bertulis dengan jayanya bagi melayakkan menerima sijil kursus.

9. Pakaian

Penganjur bertanggungjawab memaklumkan kepada peserta supaya berpakaian kemas dan sopan.

10. Sijil

10.1 Penganjur dikehendaki melengkapkan Borang Biodata Peserta (PKK/KIP/PJ-02-pindaan 1/2015) dan Borang Senarai Pengeluaran Sijil (PKK/KIP/PJ-04) dalam bentuk '*softcopy*' dan '*hardcopy*' untuk tujuan pengeluaran sijil peserta. Borang-borang tersebut hendaklah diserahkan kepada penceramah di akhir kursus.

10.2 JPK tidak akan bertanggungjawab di atas sebarang kesilapan cetakan sijil peserta kerana cetakan sijil dibuat secara automatik dari '*softcopy*' yang diberi oleh penganjur.

10.3 Penganjur hendaklah menyerahkan semua sijil yang diterima dari JPK kepada peserta dalam tempoh tujuh (7) hari dari tarikh penerimaan.

11. Tempoh Sah Laku Sijil

Sijil Kursus Induksi adalah sah untuk tempoh 3 tahun selepas kursus untuk **tujuan pelantikan pertama jawatan** personel Perakuan Pengiktirafan Kelayakan Sebagai Personel Pentauliahan (PPKSPP) dan Direktori Pakar Industri Negara (DPIN). Sekiranya peserta kursus tidak dilantik selepas tempoh 3 tahun, sijil induksi berkenaan tidak sah untuk pelantikan dan peserta perlu mengulang semula kursus induksi berkenaan.

12. Borang Penilaian Kursus

12.1 Penganjur bertanggungjawab untuk mengedarkan Borang Penilaian Kursus (PKK/KIP/PC-04) kepada setiap peserta.

12.2 Penganjur perlu memastikan borang yang telah lengkap diisi oleh peserta diserahkan kepada Unit Kursus Induksi Pentauliahan, CIAST dalam **masa selewat-lewatnya satu (1) minggu** selepas kursus

13. Tarikh Kuatkuasa

Panduan ini berkuatkuasa mulai **01 Februari 2017** dan panduan yang terdahulu terbatal.

Permohonan pendaftaran dan penganjuran kursus boleh dikemukakan kepada:

Pengarah

Pusat Latihan Pengajar & Kemahiran Lanjutan (CIAST)

Jalan Petani 19/1, Seksyen 19,

Shah Alam, Selangor Darul Ehsan.

(u.p: Unit Kursus Induksi Pentauliahan, Program Kelayakan Kekompetenan)

No. Tel: 03-55438324/8328/8327/8330/8331 No Faks: 03-55438388

Ketua Pengarah Pembangunan Kemahiran

Jabatan Pembangunan Kemahiran

Kementerian Sumber Manusia,

Malaysia